

09/07/2003

Malaysia harap Asean+3 selesaikan isu teknikal

MALAYSIA berharap Sidang Kemuncak Asean+3 di Manila bulan depan dapat menyelesaikan beberapa isu teknikal sekali gus merealisasikan pembentukan pasaran bon Asia.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin Mohd Jarjis berkata ada beberapa isu teknikal yang perlu diperincikan dan dipersetujui di kalangan negara anggota untuk memastikan cadangan Malaysia bagi mewujudkan sebuah pasaran bon Asia.

"Antara isu yang perlu dibincangkan termasuk apakah penanda aras dan khidmat penarafan bon bagi yang hendak diterbitkan," katanya selepas melancarkan dua dana amanah Syariah MAA Mutu Bhd di Menara MAA, Kuala Lumpur, semalam.

Rancangan penubuhan pasaran bon Asia merangkumi negara Asean dan tiga kuasa ekonomi utama iaitu China, Jepun dan Korea, dicadangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang kemuncak Asean+3 di Thailand, tahun lalu.

Dr Mahathir membuat cadangan itu untuk mengelakkan berulangnya krisis ekonomi Asia dan supaya negara serantau mempunyai sumber kewangan sendiri untuk membiayai projek besar.

Katanya, Malaysia turut berfungsi penting dalam pembentukan pasaran bon baru itu dan kini ia mengetuai satu daripada enam jawatankuasa kerja yang dibentuk.

Malaysia mempengerusikan Jawatankuasa Kerja Penyelesaian dan Urus Niaga Tukaran Asing serta Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Penyelarasan dan Bantuan Teknikal.

"Pasaran bon Asia dapat direalisasikan secepat mungkin apabila isu teknikal itu diselesaikan. Kami harap perbincangan di Manila bulan depan akan mencapai kemajuan besar," katanya.

Jamaludin berkata, dalam pembangunan pasaran bon Asia itu, Malaysia mencadangkan bon berasaskan Syariah dimasukkan sebagai produk utama.

Jika cadangan itu diterima, ia akan menjadi produk kewangan Islam yang dikembangkan ke peringkat serantau.

Beliau berkata, Malaysia sudah mempunyai platform dalam instrumen Islam terutama menerusi pelancaran bon Sukuk yang mendapat sambutan hebat pelabur.